

# SISWA LUMPUH KAKI TAWAN KINABALU

Mazzreemie bukti insan istimewa  
mampu asal semangat kental

Oleh Noor Azam Abd Aziz



**S**EMANGAT dan kerjasama berkumpul menjadi resipi kejayaan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) menawan puncak tertinggi di Asia Teng-

gara, Gunung Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Lebih membanggakan, seorang daripada dua insan istimewa yang menyertai kumpulan itu berjaya sampai ke puncak.



# istimewa ntal

Mazzreemie Zainal Abidin, 22, yang lumpuh kaki kanan membuktikan betapa semangat dan keberanian mampu mengatasi segala rintangan sepanjang pendakian.

Kejayaan itu mendapat pengiktirafan Pegawai Ibu Pejabat Taman Kinabalu kerana sebelum ini tiada golongan istimewa berjaya tiba ke puncak gunung berkenaan.

Empat rakan lain yang berkongsi kejayaan berkenaan ialah Mohd Khafiz Mohd Tod Zah, 22, Rohayu Zainuddin, 23, Toh Boon Han, 22, dan Too Yoke Keong, 22.

Mereka dibantu tiga jurulatih Ismail Muaharan, Mohd Amri Nizal Abdul Hamid dan Mohammed Fauzi Abd Rashid.

Detik bersejarah menawan puncak setinggi 13,455 kaki itu bermula selepas semua mahasiswa tiba ke puncak gunung berkenaan pada 6.15 pagi.

Cabaran bermula dengan peserta mendaki kawasan berbukit dan meredah rintangan angin monsun timur laut yang bertiupek kencang.

Misi itu sebahagian aktiviti Persatuan Kebajikan Mahasiswa Istimewa UPM yang menjalankan program bakti siswa di Kampung Tebongon, Putatan, Daerah Penampang, Sabah. Ia diketuai Ketua Pusat Kesihatan Mahasiswa UPM, Dr Yahaya Abu Ahmad.

Persatuan itu ditubuhkan khusus untuk mahasiswa istimewa dan terbuka kepada mahasiswa normal bekerjasama memberi se-



**SEMANGAT...Mazzreemie (kiri sekali) bersama dua rakan lain yang berjaya sampai ke puncak Kinabalu.**

mangat dan menjayakan program yang dianjurkan.

Timbalan Pengarah Program, Noryanti Mahbub, berkata aktiviti itu membuktikan UPM berusaha memberikan penghargaan kepada mahasiswa istimewa supaya mampu bersaing dengan insan normal.

Noryanti Mahbub, 26, yang juga insan istimewa tidak dapat meneruskan perjalanan kerana menghadapi masalah kesihatan

di laluan peringkat kedua.

"Sebenarnya, sudah empat kali rancangan mendaki Gunung Kinabalu ini dibincangkan, namun ramai mengatakan aktiviti itu tidak munasabah kerana kami insan istimewa," katanya.

Menurutnya, semua perbelanjaan ekspedisi berkenaan ditanggung Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa dan mereka terpaksa menggunakan tongkat untuk bergerak ke puncak.



**KENANGAN...kumpulan mahasiswa yang melakukan ekspedisi ke Gunung Kinabalu.**